

# CEGeoGTECH UniMAP

CEMERLANG DI JERMAN



**KANGAR, 7 November** - Penyelidik Pusat Kecemerlangan Teknologi Hijau dan Geopolimer (CEGeoGTEch) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mencipta nama di peringkat antarabangsa apabila menempah kejayaan lagi pada *International Trade Fair Ideas Invention New Product (IENA) 2017* di Nuremberg, Jerman.

Pengurus CEGeoGTEch Unimap, Prof. Madya Dr. Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah berkata, keunikan produk penyelidikan dan inovasi Unimap telah menawan hati juri sehingga memperoleh pingat emas menerusi produk inovasi Dr. Zarina Yahya iaitu *'Geopolymer Concrete for Underwater Concreting'* dan Dr. Muhammad Mahyiddin Ramli pula dengan *'Portable Room Temperature Gas Sensor Utilizing rGO'*.

Beliau berkata, kedua-dua produk ini juga mendapat pengiktirafan berganda apabila meraih *'China Special Award'* dan *'Polish Special Award'* manakala seorang lagi penyelidik CEGeoGTEch, Dr. Rafiza Abdul Razak meraih pingat perak menerusi penyelidikan *'Steel Fiber Reinforced Fly Ash Geopolymer Concrete for Sleepers Application'*," katanya.

Malaysia turut menjadi penganjur bersama IENA 2017 yang disertai lebih 35 buah negara termasuk Jerman, Amerika Syarikat, China, India, Poland, Bosnia, Moldova, Romania, Angola, Indonesia, Korea, Iran, Kuwait, Arab Saudi, Turki, United Kingdom, Iraq dan Taiwan dengan membabitkan lebih 850 produk penyelidikan. Beliau berkata, penyertaan IENA 2017 turut membuka peluang buat penyelidik CEGeoGTEch Unimap mengembangkan idea penyelidikan untuk bekerjasama dengan penyelidik antarabangsa lainnya selaras dengan program *Joint Funding*

*EU - Southeast Asia*  
INTERNATIONAL FEDERATION OF INVENTORS' ASSOCIATIONS

**IFA**  
WIR MACHEN MESSEN

